

MENGADAPTASI PEMIKIRAN IMAM AL-GHAZALI DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH MAHASISWA: IMPLIKASI DALAM PENDIDIKAN DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL

ADAPTING THE THINKING OF IMAM AL-GHAZALI IN THE FORMATION OF STUDENT PERSONALITY: IMPLICATIONS IN EDUCATION AND SOCIAL WELL BEING

Izzah Athirah Ibrahim ¹
Ahmad Firdaus Mohd Noor ^{2*}
Ahmad Rozaini Ali Hasan ³
Muhd Imran Abd Razak ⁴
Khairunnisa A Shukor ⁵

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

(E-mel: 2024162747@student.uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

(E-mail: firdausnoor@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

(E-mail: ahmad@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

(E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

⁵ Department of Moral Studies, Civics and Character Building, Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak.

*Corresponding author: firdausnoor@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Ibrahim, I. A., Mohd Noor, A. F., Ali Hasan, A. R., Abd Razak, M. I., & Shukor, K. A. (2025). Mengadaptasi pemikiran imam al-Ghazali dalam pembentukan sahsiah mahasiswa: Implikasi dalam pendidikan dan kesejahteraan sosial. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 380 - 388

Abstrak: Pembentukan sahsiah mahasiswa adalah elemen penting dalam pendidikan tinggi untuk menghasilkan individu yang berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab terhadap masyarakat. Imam al-Ghazali merupakan seorang tokoh ulama terkemuka yang menekankan pentingnya pembentukan jiwa melalui akhlak yang baik, adab dan integriti dalam pendidikan. Pemikiran beliau mengenai pendidikan berasaskan nilai-nilai Islam dapat dijadikan panduan dalam membentuk sahsiah mahasiswa di intitusi pengajian tinggi (IPT). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerapan pemikiran Imam al-Ghazali mengenai akhlak, adab dan etika dalam konteks pendidikan tinggi untuk memperkukuh sahsiah mahasiswa dan menyumbang kepada

kesejahteraan sosial. Imam al-Ghazali menekankan penyucian hati dan pembentukan sahsiah melalui pendidikan moral dan spiritual dengan nilai-nilai seperti kesucian hati, disiplin dan keikhlasan sebagai asas pembentukan sahsiah unggul. Dalam pendidikan tinggi, pengintegrasian nilai-nilai ini dalam kurikulum dan program ko-kurikulum dapat membantu mahasiswa membina akhlak yang baik, meningkatkan integriti serta mengurangkan gejala sosial. Pemikiran beliau juga memberi panduan tentang kaedah melahirkan mahasiswa yang mampu memberi sumbangan positif kepada masyarakat. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengadaptasian prinsip Imam al-Ghazali dalam pendidikan tinggi dapat memperkukuh sahsiah mahasiswa dan memberi impak positif terhadap kesejahteraan sosial. Oleh itu, pengintegrasian pemikiran beliau adalah penting untuk melahirkan mahasiswa yang beretika, bertanggungjawab dan memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat dan negara.

Kata kunci: *Pembentukan Sahsiah Mahasiswa, Pemikiran Imam al-Ghazali, Akhlak dan Adab, Kesejahteraan Sosial, Pendidikan Tinggi*

Abstract: *The formation of student personality is an essential element in higher education to produce individuals who are knowledgeable, morally upright, and responsible towards society. Imam Al-Ghazali was a prominent Islamic scholar who emphasized the importance of nurturing the soul through good character, manners, and integrity in education. His thoughts on education, based on Islamic values, can serve as a guide in shaping the personality of students in higher education institutions (HEIs). This study aims to examine the application of Imam Al-Ghazali's thoughts on character, manners, and ethics in the context of higher education to strengthen student personality and contribute to social well-being. Imam Al-Ghazali emphasized the purification of the heart and the formation of personality through moral and spiritual education, with values such as purity of heart, discipline, and sincerity as the foundation for developing an excellent character. In higher education, integrating these values into the curriculum and co-curricular programs can help students build good character, enhance integrity, and reduce social issues. His thoughts also provide guidance on how to produce students who can make a positive contribution to society. The study's findings indicate that adapting Imam Al-Ghazali's principles in higher education can strengthen student personality and have a positive impact on social well-being. Therefore, the integration of his thoughts is essential to produce students who are ethical, responsible, and make meaningful contributions to society and the nation.*

Keywords: *Formation of Student Personality, Thoughts of Imam al-Ghazali, Morality and Manners, Social Well-being, Higher Education*

Pengenalan

Di era globalisasi yang serba maju, institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia dihadapkan dengan pelbagai cabaran terutamanya dalam aspek pembentukan sahsiah kalangan mahasiswa. Kemajuan teknologi yang pesat dan banjir maklumat terutamanya melalui platform digital telah membawa masuk budaya asing yang kadangkala tidak selaras dengan nilai-nilai murni dan etika sosial yang diterima dalam masyarakat Malaysia. Perubahan ini telah memberi kesan negatif terhadap moral dan etika mahasiswa menyebabkan peningkatan dalam isu-isu sosial yang semakin meruncingkan. Fenomena ini dapat dilihat melalui beberapa laporan yang diterbitkan oleh pihak berwajib. Contohnya, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah berjaya menangkap 36 individu disyaki terlibat dalam kegiatan persundalan seks bebas (*swinger*) melalui

platform talian yang menawarkan servis langganan kepada pelanggan. Aktiviti ini melibatkan seramai 147,000 orang termasuk mahasiswa (Bernama, 2024). Kejadian ini jelas menggambarkan betapa budaya luar yang tidak terkawal telah mempengaruhi kehidupan mahasiswa di Malaysia serta menjejaskan sahsiah mereka.

Selain itu, laporan yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Perak, Deputy Komisioner Zulkafli Sariaat, turut menekankan isu yang lebih serius mengenai penglibatan mahasiswa dalam kegiatan jenayah. Beliau melaporkan bahawa pasukan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Perak Tengah, telah berjaya menahan empat mahasiswa dari institusi pengajian tinggi (IPT) kerana disyaki terlibat dalam pengedaran dadah jenis ganja di sebuah rumah di Seri Iskandar, Perak (Sinar Harian, 2024). Kejadian ini menunjukkan bahawa selain pengaruh budaya luar, faktor-faktor tekanan sosial dan ketidakseimbangan dalam pembentukan sahsiah turut memberi sumbangan kepada masalah moral yang semakin meruncing di kalangan mahasiswa. Laporan-laporan yang didedahkan di media massa ini menggambarkan kemerosotan sahsiah yang semakin menular dalam kalangan mahasiswa. Hal ini memberi kesan yang mendalam terhadap kesejahteraan sosial masyarakat kerana mahasiswa yang seharusnya menjadi agen perubahan dan pemimpin masa depan negara.

Pembentukan sahsiah juga merupakan keperluan utama bagi mahasiswa untuk kesejahteraan sosial masyarakat dan pembangunan negara. Dalam konteks ini, nilai-nilai Islam khususnya pemikiran Imam al-Ghazali berperanan penting dalam memandu mahasiswa membentuk akhlak dan sahsiah yang baik di institusi pendidikan tinggi. Sebagaimana yang dinyatakan dalam karya agung beliau dalam *Ihya' Ulum al-Din*, Imam al-Ghazali menggariskan bahawa pendidikan tidak hanya bertujuan untuk mengembangkan intelektual tetapi juga membersihkan hati dan memperbaiki akhlak individu. Beliau menekankan bahawa ilmu yang diperoleh tanpa didasari dengan akhlak yang baik akan membawa kepada kerosakan jiwa individu dan seterusnya memberi impak negatif kepada masyarakat secara keseluruhan (Al Ghazali, 2000). Dalam konteks pendidikan tinggi masa kini, pendidikan holistik yang mengintegrasikan perkembangan intelektual dan pembentukan sahsiah merupakan elemen yang sangat diperlukan untuk melahirkan generasi yang seimbang. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al Ghazali (1980), sahsiah merangkumi keseluruhan aspek diri individu, termasuk pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, pencarian rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak, budi pekerti serta pembangunan jiwa dan hati. Hal ini bermakna pendidikan sangat menekankan nilai-nilai murni yang dapat membentuk mahasiswa menjadi individu yang berdisiplin, bertanggungjawab serta mampu mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan seharian mereka (Al-Ghazali, 1980).

Pemikiran Imam al-Ghazali yang berteraskan nilai-nilai Islam menawarkan panduan yang sangat relevan untuk diaplikasikan dalam sistem pendidikan tinggi terutamanya pembentukan sahsiah mahasiswa. Dengan mengintegrasikan nilai-nilai seperti keikhlasan, kesucian hati, dan disiplin dalam kurikulum akademik dan aktiviti ko-kurikulum sistem pendidikan dapat membantu mahasiswa mencapai keseimbangan antara kecemerlangan akademik dan kesejahteraan mental serta spiritual. Pendekatan pendidikan yang holistik dapat memperkukuh pembentukan sahsiah dan menjadikan individu yang memberi impak positif kepada masyarakat dan negara (Mustafa & Ahmad, 2022).

Oleh itu, kajian ini bertujuan menelusuri pemikiran Imam al-Ghazali yang dapat diaplikasikan dalam pembentukan sahsiah mahasiswa di institusi pendidikan tinggi serta kesan terhadap kesejahteraan sosial masyarakat. Pembentukan sahsiah yang baik melalui pendidikan tinggi

akan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara serta meyumbang kepada pembangunan sosial yang seimbang dan harmoni (Al-Attas, 1999; Hamid, 2020).

Pemikiran Imam al-Ghazali dan Pembentukan Sahsiah

Pemikiran al-Ghazali menunjukkan bahawa pendidikan tidak hanya berfokus pada penguasaan ilmu semata-mata tetapi juga pembentukan sahsiah yang seimbang, iaitu akhlak yang baik menjadi tunjang kepada pencapaian akademik dan sosial yang bermakna.

Konsep Akhlak dan Adab menurut Imam al-Ghazali

Imam al-Ghazali mentakrifkan akhlak sebagai suatu keadaan jiwa yang (malakah), iaitu daripadanya lahir perbuatan-perbuatan secara mudah tanpa perlu pertimbangkan dan pemikiran terlebih dahulu (al-Ghazali, 2005). Takrif ini menunjukkan bahawa akhlak bukan hanya tindakan luaran sahaja tetapi merupakan hasil daripada sifat dalaman yang telah mantap dalam jiwa seseorang. Akhlak yang sejati menurut al-Ghazali hanya boleh dibentuk melalui proses penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) secara berterusan yang melibatkan *mujahadah* (melawan hawa nafsu), *muraqabah* (kesedaran akan pengawasan Allah SWT dan *riadah* (latihan kerohanian) (al-Ghazali, 2005). Dalam konteks ini, beliau menegaskan bahawa ilmu sahaja tidak memadai jika tidak melahirkan akhlak yang baik. Ilmu harus disertai dengan amal dan penghayatan yang membawa kepada perubahan sahsiah (Nasr, 1993)

Walaupun istilah adab tidak didefinisikan secara jelas seperti akhlak, namun dalam pemikiran al-Ghazali adab merujuk kepada tatacara dan perilaku teratur yang berpaksikan akhlak Islam dalam semua dimensi kehidupan termasuk hubungan dengan Allah, manusia dan ilmu (al-Ghazali, 2005). Sebagai contoh, dalam bab adab menuntut ilmu bahawa al-Ghazali menegaskan pelajar perlu bersikap tawaduk, ikhlas, menghormati guru dan menjauhi sifat sombong (al-Ghazali, 2005). Adab juga merangkumi adab dalam ibadah seperti khusyuk dalam solat serta adab dalam interaksi sosial seperti menjaga lidah, menepati janji dan berlemah lembut (Halstead, 2007). Adab menurut al-Ghazali bukan hanya satu bentuk kesopanan tetapi mencerminkan kesedaran rohani yang terzahir melalui perlakuan luaran yang tertib dan berakhlak.

Seterusnya, Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa akhlak dan adab adalah saling melengkapi. Akhlak adalah akar kepada keperibadian, manakala adab adalah manifestasi zahir kepada akhlak tersebut. Adab yang tidak bersumber daripada akhlak yang benar akan menjadi kepura-puraan, manakala akhlak yang tidak diterjemahkan kepada adab akan menjadi nilai yang terpendam tanpa kesan dalam masyarakat (Wan Daud, 1998).

Justeru itu, pendidikan rohani Islam sentiasa bergerak seiring dalam proses pembentukan akhlak dan adab. Imam al-Ghazali mengusulkan satu proses tazkiyah yang menyeluruh yang merangkumi tiga tahap, iaitu i) *Takhliyah* : membersihkan hati daripada sifat-sifat mazmumah seperti riya', hasad dan ujub, ii) *Tahliyah* : menghiasi hati dengan sifat mahmudah seperti ikhlas, sabar dan tawakal dan iii) *Tajliyah* : mencapai kesucian rohani sehingga kehadiran Allah SWT secara langsung dalam kehidupan seharian (al-Ghazali, 2005).

Prinsip Etika dan Pendidikan menurut Imam al-Ghazali

Etika dalam pemikiran al-Ghazali berpaksikan kepada konsep *tazkiyatun nafs* iaitu penyucian jiwa. Menurut beliau, manusia dilahirkan dengan potensi untuk menjadi baik atau buruk dan tugas utama manusia ialah menjinakkan nafsu serta mendidik jiwa agar tunduk kepada kehendak Ilahi (al-Ghazali, 2005). Dalam *Ihya'*, beliau menyatakan bahawa akhlak yang luhur

adalah buah daripada latihan jiwa yang berterusan melalui *mujahadah* (kesungguhan melawan hawa nafsu), *muraqabah* (kesedaran sentiasa diawasi oleh Allah SWT) dan *riyadah* (latihan rohani).

Prinsip etika menurut al-Ghazali juga sangat bersandar kepada niat yang ikhlas (*niyyah*) kerana baginya setiap amal tidak akan bernilai jika tidak dilakukan dengan keikhlasan kepada Allah SWT. Dalam kerangka etika Islam, akhlak yang baik bukanlah semata-mata tingkah laku yang mematuhi norma masyarakat tetapi harus lahir daripada hati yang suci. Justeru, seseorang yang menunaikan solat atau memberi sedekah kerana pujian manusia dianggap tidak beretika walaupun amalannya kelihatan baik (Zarkasyi, 2022).

Al-Ghazali juga menekankan keseimbangan antara akal dan nafsu. Etika Islam bukanlah menolak keseronokan dunia tetapi meletakkannya pada tempat yang betul. Manusia perlu menggunakan akal untuk menundukkan nafsu dan menjadikan syariat sebagai panduan. Apabila akal memimpin dan nafsu terkawal maka akan lahirlah individu yang berakhlak (Yusof & Othman, 2020).

Seterusnya, pendidikan dalam pemikiran al-Ghazali ialah proses membentuk insan yang berakhlak mulia, mengenal Tuhan dan mengamalkan ilmu secara bertanggungjawab. Tujuan utama pendidikan bukan hanya memperoleh maklumat tetapi untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mengukuhkan keperibadian muslim. Menurut al-Ghazali, ilmu yang tidak membawa kepada perubahan akhlak dianggap tidak bermanfaat (al-Ghazali, 2005).

Beliau membahagikan ilmu kepada dua kategori utama, iaitu ilmu fardhu 'ain yang wajib ke atas setiap individu dan ilmu fardhu kifayah yang bersifat kolektif. Walaupun beliau mengiktirafkan kepentingan semua cabangan ilmu, beliau memberikan penekanan yang tinggi kepada ilmu yang dapat membentuk akhlak dan mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti tauhid, fiqh dan tasawuf. Ilmu tanpa amal, ibarat pohon tanpa buah. Maka, seharusnya pelajar mengamalkan ilmu dan tidak menghafalnya (Hassan & Noor, 2022).

Terakhir, pemikiran pendidikan Imam al-Ghazali berpaksikan empat prinsip utama yang saling melengkapi. Pertama, ilmu yang bermanfaat ('ilm nafi') ialah ilmu yang mendekatkan diri kepada Allah SWT dan membentuk akhlak mulia (Yusof & Othman, 2020). Kedua, tazkiyatun nafs atau penyucian jiwa menjadi teras dalam mendidik hati dan mencegah kesombongan (Zarkasyi, 2022). Ketiga, guru perlu berperanan sebagai murabbi yang membimbing rohani dan menjadi contoh teladan (al-Ghazali, 2005 : Baharudin & Ismail, 2021). Keempat, adab dianggap asas kepada keberkatan ilmu, tanpa adab ilmu boleh membawa fitnah (al-Attas, 2023). Keempat-empat prinsip ini membentuk kerangka pendidikan holistik yang sesuai diterapkan dalam sistem pendidikan.

Relevansi Pemikiran Imam al-Ghazali dalam Pendidikan Moden

Pemikiran Imam al-Ghazali dalam bidang pendidikan mempunyai kesesuaian yang tinggi dengan keperluan sistem pendidikan moden. Hal ini ternyata usaha menangani cabaran krisis moral, keruntuhan sahsiah serta tekanan hidup yang melanda generasi mahasiswa hari ini. Walaupun beliau hidup dalam era pertengahan Islam, prinsip-prinsip pendidikan yang digariskannya bersifat universal dan trans-temporal serta dapat disesuaikan dalam pelbagai konteks pendidikan kontemporari (Baharudin & Ismail, 2021). Al-Ghazali bukan sahaja menekan kepentingan penguasaan ilmu tetapi turut menggariskan proses penyucian jiwa (*tazkiyatun nafs*) dan pembinaan akhlak sebagai matlamat utama pendidikan.

Dalam konteks pendidikan moden yang sering menilai kejayaan berdasarkan pencapaian akademik semata-mata, pemikiran al-Ghazali memperingatkan bahawa ilmu tanpa nilai dan akhlak akan melahirkan individu yang mungkin berpengetahuan tetapi tidak berperibadi. Hal ini disokong oleh al-Attas (2023) yang menyatakan bahawa salah satu punca utama keruntuhan tamadun moden adalah apabila menimba ilmu dipisahkan daripada nilai dan adab. Oleh itu, pendekatan pendidikan bersepadu seperti yang dicadangkan al-Ghazali adalah menggabungkan aspek kognitif, afektif dan spiritual amat penting dalam sistem pendidikan masa kini.

Pengadaptasian Pemikiran Imam al-Ghazali dalam Pendidikan Tinggi

Model pendidikan tinggi kini perlu lebih daripada sekadar pengetahuan kognitif yang merangkumi dimensi rohani, etika dan sosial. Imam al-Ghazali melalui pendekatan pendidikan berteraskan *tazkiyatun nafs* dan adab menyediakan kerangka konseptual yang amat sesuai untuk mengisi jurang spiritual dan moral yang semakin ketara dalam kalangan mahasiswa. Pengadaptasian pemikiran beliau boleh dilaksanakan melalui tiga pendekatan berikut:

Kurikulum Berasaskan Nilai

Imam al-Ghazali menegaskan bahawa tujuan utama pendidikan adalah menyucikan jiwa dan memperbaiki akhlak, bukan sekadar mengisi akal dengan maklumat (al-Ghazali, 2005). Maka, kurikulum pendidikan harus menekankan nilai sebagai teras pembelajaran. Antara contoh kursus seperti Prinsip-Prinsip Asas Islam boleh dijadikan platform utama dalam menerapkan nilai-nilai Islam yang bersifat reflektif dan transformatif.

Kurikulum ini bukan hanya perlu menyampaikan ilmu secara teori tetapi mestilah membimbing mahasiswa untuk merenung, menghayati dan mengamalkan ilmu tersebut seiring prinsip *tazkiyatun nafs* (penyucian jiwa) dan *mujahadah al-nafs* (pengendalian hawa nafsu). Ini selaras dengan pandangan Baharudin dan Ismail (2021) yang mencadangkan kurikulum Islam moden mesti mengintegrasikan dimensi ilmu, akhlak dan amal bagi melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi spiritual dan intelektual. Melalui pendekatan ini, mahasiswa tidak hanya menilai sesuatu secara kognitif tetapi mampu membuat refleksi nilai (*value-laden reflection*) terhadap setiap pengalaman pembelajaran seperti yang ditekankan dalam pendidikan berasaskan pengalaman dan pemikiran kritikal Islam (Yusof & Othman, 2020).

Pembangunan Sahsiah Holistik

Al-Ghazali menyatakan bahawa pembinaan peribadi (akhlak) merupakan sebahagian daripada maqasid pendidikan. Bahkan menjadi asas kepada kejayaan individu dan masyarakat (al-Ghazali, 2005). Oleh itu, pembangunan sahsiah mahasiswa perlu dirancang secara holistik termasuklah penglibatan pelajar dalam kegiatan kerohanian seperti halaqah, usrah dan tazkirah yang menyuburkan kesedaran spiritual. Di samping itu, penglibatan dalam program kepimpinan dan khidmat komuniti dapat memupuk tanggungjawab sosial dan kepekaan terhadap masyarakat. Latihan sukarelawan juga memainkan peranan penting dalam membentuk empati, sikap prihatin dan nilai kebersamaan dalam diri mahasiswa.

Menurut Hassan dan Noor (2022), elemen-elemen dalaman seperti pembersihan hati, keikhlasan niat, kesabaran, rasa syukur dan amalan muhasabah harus diberi penekanan dalam modul pembangunan mahasiswa. Hal ini kerana membantu membina kekuatan spiritual dan emosi mahasiswa dalam menghadapi cabaran kehidupan. Bagi memastikan pendekatan ini berkesan adalah proses pembangunan sahsiah mahasiswa harus dikaitkan dengan refleksi nilai yang berterusan. Pendekatan ini selaras dengan prinsip pendidikan al-Ghazali serta seiring juga

dengan keperluan pendidikan nilai abad ke-21 yang menekankan pembentukan karakter dan keseimbangan insani.

Latihan Profesional Pendidik dan Pensyarah

Peranan pendidikan dalam pemikiran al-Ghazali tidak hanya menyampaikan ilmu tetapi membimbing jiwa dan membentuk peribadi mahasiswa. Seorang pendidikan menurut beliau mestilah menjadi *murabbi* yang mendidik dengan penuh kasih sayang, menjiwai nilai-nilai Islam dan mengamalkan ilmu yang disampaikan (al-Ghazali, 2005). Beliau menyatakan dengan tegas bahawa pendidik tidak mengamalkan ilmunya termasuk dalam golongan yang merosakkan umat.

Dalam konteks pendidikan tinggi moden, pensyarah harus diberikan latihan profesional secara berterusan, bukan sahaja dalam bidang pedagogi atau teknologi pengajaran tetapi dalam aspek etika pengajaran, pembangunan rohani dan psikologi mahasiswa. Kajian oleh Baharudin dan Ismail (2021) menunjukkan bahawa pensyarah yang memahami konsep *tarbiah Islamiah* dan menghayati peranan sebagai *murabbi* mampu memberi impak yang besar dalam pembentukan sahsiah mahasiswa. Oleh itu, universiti wajar memperkenalkan modul latihan berteraskan pemikiran al-Ghazali sebagai sebahagian daripada pembangunan profesional pensyarah selaras dengan keperluan pendidikan masa kini.

Implikasi Pembentukan Sahsiah terhadap Kesejahteraan Sosial.

Pembentukan sahsiah merupakan tunjang kepada kesejahteraan sosial yang lestari. Imam al-Ghazali telah lama menegaskan bahawa pendidikan yang sebenar ialah proses yang menggabungkan antara ilmu, adab dan penyucian jiwa (*tazkiyatun nafs*) untuk membentk insan yang taat kepada Allah SWT serta bermanfaat kepada masyarakat (al-Ghazali, 2005). Implikasi ini dapat dijelaskan melalui tiga aspek utama seperti berikut:

Pengukuhan Integriti Sosial

Sahsiah yang dibentuk melalui pendekatan pendidikan Islam menghasilkan individu yang berpegang kepada nilai amanah, jujur, bertanggungjawab dan beretika. Menurut al-Ghazali, seseorang yang berilmu ialah mereka yang dapat mengamalkan ilmunya dengan penuh keikhlasan serta menjaga hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia (al-Ghazali, 2005). Mahasiswa yang mengamalkan nilai-nilai dalam kehidupan seharian berupaya mempengaruhi struktur sosial secara positif melalui tindakan dan keputusan yang berlandaskan prinsip kebenaran dan keadilan. Integrasi sosial ini menjadi asas kepada masyarakat yang stabil, saling mempercayai dan menghormati antara satu sama lain.

Dalam konteks pendidikan tinggi, pembentukan integriti melalui program yang menekankan nilai dan refleksi diri seperti Prinsip-Prinsip Asas Islam dapat melahirkan mahasiswa yang bersedia untuk menjadi pemimpin berakhlak dalam masyarakat. Menurut Baharudin dan Ismail (2021), pemikiran al-Ghazali tentang *murabbi* menuntut agar pensyarah berperanan mendidik dengan akhlak dan menanamkan integriti dalam jiwa mahasiswa dan bukan sekadar menyampaikan ilmu.

Pengurangan Gejala Sosial dalam Kalangan Belia

Imam al-Ghazali berpendapat bahawa ilmu yang tidak disertai dengan penyucian jiwa akan membawa kepada kerosakan kerana hati yang dikuasai oleh hawa nafsu mudah terjerumus dalam keburukan (Zarkasyi, 2022). Hal ini amat relevan dalam konteks mahasiswa universiti yang terdedah kepada pelbagai pengaruh negatif. Apabila sahsiah dibina melalui pendekatan

yang menekankan nilai dalaman seperti sabar, muhasabah, syukur dan taqwa maka mahasiswa akan lebih berdaya tahan dalam menghadapi tekanan serta menjauhi gejala sosial seperti hedonisme, penyalahgunaan dadah dan keruntuhan moral.

Kajian oleh Hassan dan Noor (2022) menunjukkan bahawa pendidikan nilai berdasarkan pendekatan rohani dan refleksi sendiri dapat membantu mahasiswa mengurus emosi, menyedari tanggungjawab sosial dan meningkatkan jati diri. Maka, sahsiah yang terbentuk bukan sahaja melindungi mahasiswa daripada terjebak dalam salah laku tetapi turut mewujudkan persekitaran kampus yang aman dan sejahtera.

Penghasilan Komuniti Pembelajaran Berakhlak

Pembentukan sahsiah menurut al-Ghazali juga menekankan pentingnya komuniti pembelajar yang saling membina dan menyokong secara berakhlak. Mahasiswa yang dibimbing dengan adab, nilai kasih sayang dan tanggungjawab akan mencipta budaya pembelajaran yang inklusif dan saling menghormati. Al-Attas (2023) menekankan bahawa ilmu tanpa adab akan menjadi fitnah dan komuniti tanpa adab akan hilang haluan.

Oleh itu, sahsiah yang terbina melalui pengalaman pembelajaran berasaskan nilai akan melahirkan mahasiswa yang menyumbang kepada kesejahteraan komuniti sama ada melalui kepimpinan beretika, kolaborasi dalam aktiviti kesukarelawan mahupun dalam tindakan harian yang bersandarkan akhlak Islam. Komuniti pembelajar seperti ini menjadi asas kepada kesejahteraan sosial yang berterusan dan mampu menyumbang kepada pencapaian matlamat pembangunan negara.

Kesimpulan

Pembentukan sahsiah mahasiswa melalui pemikiran Imam Al-Ghazali memberi manfaat besar kepada pendidikan tinggi dan kesejahteraan sosial. Integrasi prinsip-prinsip akhlak, adab, dan disiplin diri dalam kurikulum pendidikan dapat memperkukuh sahsiah mahasiswa dan mengurangkan masalah sosial dalam masyarakat. Diharapkan bahawa institusi pendidikan tinggi dapat memperkukuh integrasi nilai-nilai Islam dalam kurikulum dan program ko-kurikulum bagi membentuk mahasiswa yang lebih berakhlak dan bertanggungjawab. Pengadaptasian pemikiran Imam Al-Ghazali dalam pendidikan tinggi perlu diteruskan dan diperkasakan untuk memastikan mahasiswa terus berkembang menjadi individu yang beretika, berjaya, dan memberi sumbangan positif kepada masyarakat.

Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. (1999). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. ISTAC.
- Al-Attas, S. M. N. (2017). *Islamic education: Its aims and methods*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, S. M. N. (2023). *Islam and secularism*. ISTAC.
- Al-Ghazali, I. (1980). *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Rev. ed.). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, I. (1999). *The revival of religious sciences*. The Islamic Book Trust.
- Al-Ghazali, I. (2001). *The alchemy of happiness*. Islamic Texts Society.
- Amin, S., & Ramli, A. (2021). The role of co-curricular activities in enhancing students' character: A case study. *Journal of Educational Development*, 13(2), 45–61.
- Asmarani, A. (2019). Mahasiswa sebagai agen perubahan sosial: Peranan dan sumbangan dalam pembentukan sahsiah masyarakat. *Jurnal Pemikiran Pendidikan Islam*, 13(3), 67–80.
- Asmawati Suhid, A. (2009). Mujahadah dan riyadah dalam pembentukan sahsiah menurut Imam al-Ghazali. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 10–22.
- Azman, M. (2022). Globalization and the impact on moral values in education. *International Journal of Social Sciences*, 14(4), 201–210.
- Azman, M., & Ghazali, A. (2018). Peranan mahasiswa dalam perubahan sosial dan pembentukan sahsiah masyarakat. *Journal of Social Science Education*, 12(2), 58–70.
- Baharudin, S. A., & Ismail, Z. (2021). Imam al-Ghazali's thought on education: Implications for Islamic pedagogy. *International Journal of Islamic Thought*, 19(1), 45–54. <https://doi.org/10.24035/ijit.19.2021.226>
- Bernama. (2024, November 14). Kegiatan persundalan seks bebas: Siasatan terhadap sindiket dalam talian di Malaysia. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/36-individu-ditahan-disyaki-terlibat-kegiatan-persundalan-seks-bebas-485819>
- Hasan, M. (2021). The importance of character development in higher education: A case study of Islamic educational principles. *Journal of Moral Education*, 19(1), 25–36.
- Hassan, N. H., & Noor, N. M. (2022). The role of moral education in preventing social deviance among youth: Insights from al-Ghazali. *Journal of Islamic Education*, 10(2), 33–42.
- Mohd Nasir, M. (2010). *Imam al-Ghazali dan pemikiran pendidikan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa, M., & Ahmad, K. (2022). Holistic education in higher learning institutions: The integration of Islamic values for character development. *Journal of Islamic Education*, 23(1), 91–103.
- Rahman, S. (2020). The role of students in social welfare and volunteerism: A study of their contributions in society. *Journal of Social Welfare Studies*, 16(3), 120–132.
- Sinar Harian. (2024, November 15). Empat pelajar universiti ditahan disyaki edar ganja. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/696812/berita/semasa/empat-pelajar-universiti-ditahan-disyaki-edar-ganja>
- Siti, R., & Salim, A. (2017). Pembentukan sahsiah mahasiswa dalam masyarakat: Implikasi terhadap keharmonian sosial. *Journal of Social Science and Humanities*, 10(1), 56–72.
- Wahid, A. (2020). Educational ethics in the philosophy of Imam al-Ghazali. *Journal of Ethics in Education*, 14(2), 120–135.
- Yusof, R. N. R., & Othman, N. (2020). The ethics of knowledge according to al-Ghazali: Relevance in contemporary Islamic education. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 2(1), 14–15.
- Zarkasyi, H. F. (2022). *The philosophy of Islamic ethics: A comparative study*. Gontor Press.

Zulfi, A., Ali, M., Rahman, N., & Yusuf, K. (2023). Imam al-Ghazali's educational philosophy: Its relevance to contemporary educational practices. *International Journal of Islamic Education*, 11(2), 87–101.